

**GARIS PANDUAN
MOBILEPRENEUR@KKLW
(PROGRAM USAHAWAN BERGERAK)
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

1. TUJUAN

Garis panduan ini menjelaskan kaedah pelaksanaan dan tatacara Program Usahawan Bergerak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (Mobilepreneur@KKLW) kepada agensi pelaksana dan agensi-agensi di bawah KKLW.

2. PENGENALAN

2.1 Mobilepreneur@KKLW adalah program yang memberi peluang kepada belia Malaysia yang tergolong dalam kumpulan berpendapatan rendah Miskin Tegar, Miskin dan Berpendapatan Rendah (B40) juga menunjukkan kecenderungan, minat dan kesungguhan untuk menjadikan keusahawanan sebagai sumber pendapatan mereka di luar bandar.

2.2 Ia adalah inisiatif Kerajaan untuk membantu golongan belia luar bandar menjalankan perniagaan berkonsepkan perkhidmatan bergerak tanpa memerlukan modal yang besar untuk membuka atau menyewa premis perniagaan. Konsep ini selari dengan usaha membantu mereka meningkatkan pendapatan dan taraf hidup. Peluang menceburi bidang

keusahawanan ini akan menjadi asas kepada kumpulan sasar mengembangkan perniagaan masing-masing.

3. OBJEKTIF PROGRAM

- 3.1 Mewujudkan kumpulan usahawan bergerak yang menjalankan perniagaan berasaskan perkhidmatan.
- 3.2 Membantu belia luar bandar meningkatkan pendapatan melalui bidang keusahawanan
- 3.3 Membolehkan peserta menjalankan perkhidmatan bergerak sebagai kerjaya dan seterusnya memajukan kawasan luar bandar.

4. KUMPULAN SASAR

- 4.1 Kumpulan sasar bagi pelaksanaan program ini terdiri daripada belia luar bandar yang berpendapatan rendah B40 iaitu menggunakan asas pendapatan kurang daripada RM3,860.
- 4.2 Kriteria kumpulan sasar yang **LAYAK** adalah seperti berikut:
 - (i) Merupakan warganegara Malaysia;
 - (ii) Berumur antara 18-40 tahun;
 - (iii) Mempunyai Sijil Kemahiran yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dengan syarat minima Sijil Kemahiran Malaysia Tahap II atau setaraf;

(iv) Memiliki Lesen Motosikal minimum Kelas B2.

4.3 Bagi kes-kes tertentu yang memerlukan pengecualian daripada kriteria di atas hendaklah dirujuk dan mendapat kelulusan KKLW.

4.4 Keutamaan diberikan kepada peserta yang terdiri daripada:

- (i) Peserta yang tinggal di kawasan luar bandar atau pinggir bandar mengikut kad pengenalan;
- (ii) Belum mempunyai perniagaan atau telah memulakan projek kemahiran berkaitan namun masih tergolong dalam lingkungan kumpulan berpendapatan rendah;
- (iii) Menjalankan perkhidmatan bergerak secara sepenuh masa; dan
- (iv) Yang tidak pernah menerima sebarang bantuan/program/ projek ekonomi yang lain.

5. SKOP BANTUAN

5.1 Skop bantuan Program Mobilepreneur terbahagi kepada 2 kategori:

(i) PAKEJ PENUH

Bantuan diberikan berupa sebuah motosikal yang telah diubahsuai lengkap dengan kotak peralatan (rear-box), peralatan (*tool-kit*) mengikut bidang perkhidmatan yang berkaitan serta latihan keusahawanan.

(ii) PAKEJ HIBRID

Bantuan diberikan kepada pemohon yang memiliki motosikal sendiri untuk diubahsuai menjadi motosikal Mobilepreneur. Bantuan berupa kotak peralatan (rear-box), peralatan (*tool-kit*) serta latihan keusahawanan.

5.2 Kriteria pertimbangan bantuan bagi pakej hibrid adalah seperti berikut:

- (i) Motosikal jenis kapcai dengan kapasiti enjin kurang daripada 150 cc;
- (ii) Usia motosikal tidak melebihi 3 tahun; dan
- (iii) Persetujuan melalui perjanjian di antara peserta dan Agensi Pelaksana.

5.3 Program Mobilepreneur@KKLW memberi fokus kepada perkhidmatan dan bukan produk. Skop perkhidmatan Mobilepreneur@KKLW memperluaskan tumpuan kepada 13 perkhidmatan berikut:

- i) Perkhidmatan Automotif
- ii) Perkhidmatan Penghawa Dingin

- iii) Perkhidmatan Elektrikal
- iv) Perkhidmatan Spa dan Kecantikan
- v) Perkhidmatan Jahitan
- vi) Perkhidmatan Gunting/Dandananan Rambut
- vii) Perkhidmatan Motosikal
- viii) Perkhidmatan Kimpalan
- ix) Perkhidmatan Komputer
- x) Perkhidmatan Elektronik
- xi) Perkhidmatan Senggaraan Paip
- xii) Perkhidmatan Senggaraan Bangunan
- xiii) Perkhidmatan Fotografi

5.4 Permohonan skop selain daripada 13 perkhidmatan yang disenaraikan di Para 5.3 boleh dipertimbangkan oleh pihak Jawatankuasa Induk Mobilepreneur@KKLW bagi tujuan kelulusan.

6. KADAR BANTUAN

6.1 Kadar bantuan bagi setiap seorang peserta adalah seperti dalam **Jadual 1** yang berikut:

Jadual 1: Pakej Bantuan Mobilepreneur

JENIS BANTUAN	KADAR BANTUAN MAKSIMUM (RM)	PAKEJ BANTUAN
PAKEJ PENUH	10,000	MOTOSIKAL, PERALATAN DAN LATIHAN KEUSAHAWANAN
PAKEJ HIBRID	6,500	UBAHSUAI MOTOSIKAL, PERALATAN DAN LATIHAN KEUSAHAWANAN

6.2 Motosikal dan peralatan bantuan adalah menjadi tanggungjawab peserta. Bagi kes-kes tertentu, Agensi Pelaksana/ Kementerian berhak untuk menarik balik motosikal dan peralatan yang disalahgunakan dan boleh dipertimbangkan kepada peserta baru yang layak. Perjanjian penerimaan dan penggunaan motosikal di antara peserta dan agensi pelaksana akan dimeterai bersama.

6.3 Motosikal Mobilepreneur akan didaftarkan atas nama peserta tetapi '**HAK MILIK DITUNTUT**' berdaftar melalui e-hakmilik JPJ atas nama **Agensi Pelaksana** dilantik. Pemantauan terhadap peserta Mobilepreneur@KKLW dijalankan dalam tempoh tiga

(3) tahun sebelum diserahkan hak milik motosikal dan peralatan kepada peserta.

6.4 Permohonan motosikal hibrid tertakluk kepada syarat di Perkara 5.2. Permohonan yang layak akan diselaraskan di peringkat negeri.

7. KAEDAH PERMOHONAN

7.1 Permohonan terbuka kepada mana-mana peserta daripada Institusi atau Pusat Latihan Kemahiran yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan Badan-badan Profesional. Peserta telah menjalani kursus kemahiran dan telah mempunyai Sijil Kemahiran yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dengan syarat minima Sijil Kemahiran Malaysia Tahap II atau yang setaraf;

7.2 Borang permohonan boleh didapati di semua agensi di bawah KKLW meliputi Pihak Berkuasa Pekebun Kecil Getah (RISDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA); Majlis Amanah Rakyat (MARA); Jabatan Kemajuan Hal Ehwal Orang Asli (JAKOA), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA); Lembaga Kemajuan Wilayah Johor Tenggara (KEJORA); Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH); Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR); Pejabat KKLW Negeri (PKN) dan Pusat-Pusat GIATMARA di setiap negeri. Borang

permohonan juga boleh dimuat-turun melalui laman web Kementerian (www.rurallink.gov.my).

- 7.3 Borang yang telah lengkap diisi dikehendaki dihantar sendiri oleh pemohon melalui mana-mana agensi di bawah KKLW atau Pusat GIATMARA berhampiran. Pengesahan alamat kediaman dan pendapatan perlu diperolehi oleh pemohon daripada mana-mana pihak berikut:- Penghulu/Ketua Kampung, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung atau Pegawai Daerah yang berhampiran dengan tempat tinggal pemohon.

8. KAEDAH PELAKSANAAN

- 8.1 Agensi-agensi KKLW dan Pusat GIATMARA bertanggungjawab menerima permohonan, membuat tapisan syarat permohonan dan rekod sebelum mengemukakan borang permohonan kepada Agensi Pelaksana untuk proses selanjutnya.
- 8.2 Borang permohonan hendaklah memenuhi syarat kelayakan, maklumat tempat tinggal dan pendapatan diperakukan oleh mana-mana pihak berkenaan di Para 7.3 sebelum dihantar kepada Agensi Pelaksana.
- 8.3 Borang permohonan hendaklah dikemukakan bersama salinan kad pengenalan, salinan sijil kemahiran,

salinan lesen kenderaan bersama-sama sijil asal untuk perakuan di pejabat penerimaan borang.

- 8.4 Agensi Pelaksana menyelaras pengurusan proses ujian psikometrik dan temuduga serta dibantu oleh agensi-agensi KKLW di kawasan Parlimen yang berkenaan. Sesi temuduga akan diadakan pada hari yang sama. Panel penemuduga terdiri daripada agensi pelaksana, agensi-agensi KKLW dan Pejabat KKLW Negeri. Skor dan kaedah pemarkahan peserta disediakan untuk semua panel. Senarai peserta disusun mengikut keutamaan (*ranking*) dan diselaraskan mengikut negeri.
- 8.5 Jawatankuasa Induk Mobilepreneur@KKLW ditubuhkan bagi menentukan dasar pelaksanaan dan hala tuju program dan Jawatankuasa Teknikal Mobilepreneur@KKLW akan menyelaras dan memantau mekanisma pelaksanaan program berpandukan kepada dasar, garis panduan dan dokumentasi prosedur kerja. Sementara itu, agensi pelaksana di peringkat negeri terlibat secara langsung di peringkat operasi. Terma Rujukan Jawatankuasa disediakan.
- 8.6 Jawatankuasa Teknikal menerima senarai peserta Mobilepreneur dan mengesahkan peserta yang dipilih berdasarkan keutamaan (*ranking*) daripada setiap Pusat Negeri. Satu memo diangkat kepada Timbalan

Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Keusahawanan) bagi pertimbangan dan kelulusan peserta di peringkat Kementerian.

- 8.7 Peserta Mobilepreneur@KKLW yang terpilih akan menjalani Latihan Keusahawanan selama tiga (3) hari anjuran Agensi Pelaksana mengikut Parlimen/ Negeri meliputi modul pemantapan pemasaran, kaedah penetapan harga, asas perakaunan, e-usahawan dan asas selenggaraan motosikal
- 8.8 Agensi Pelaksana di bantu oleh Pelaksana di peringkat Negeri yang bertanggungjawab mengurus dan memantau peserta bermula daripada peringkat penyerahan mobilepreneur sehingga hak milik diserahkan kepada peserta.
- 8.9 Agensi pelaksana peringkat negeri akan menyelia dengan rapi pelaksanaan program ini dan mengemukakan laporan kemajuan kepada Jawatankuasa Teknikal mengikut format yang telah ditetapkan.

9. PEMANTAUAN DAN PELAPORAN

- 9.1 Peserta perlu mendapat bimbingan, nasihat dan penyeliaan daripada Agensi Pelaksana daripada aspek seperti latihan, perancangan aktiviti, kewangan, pelaksanaan, kualiti dan pemasaran perkhidmatan.

Sistem sokongan peserta berkonsepkan mentor-mentee dan perundingan berkumpulan dilaksanakan bagi meningkatkan prestasi peserta.

- 9.2 Agensi Pelaksana melalui Jawatankuasa Teknikal akan memantau rekod pendapatan yang diperolehi pada setiap bulan dan mula melaporkan kemajuan peserta dan analisa pendapatan kepada Jawatankuasa Induk Mobilepreneur@KKLW selepas daripada tiga (3) bulan peserta memulakan perkhidmatan. Laporan ini hendak dikemukakan pada setiap suku tahun iaitu selewat-lewatnya pada minggu kedua bagi setiap 3 bulan sehingga tiga (3) tahun.
- 9.3 Sekiranya terdapat sebarang isu yang berkaitan dengan pelaksanaan dasar program, Jawatankuasa Teknikal akan melaporkan kepada Jawatankuasa Induk bagi mendapatkan pengesahan penyelesaian.
- 9.4 Agensi Pelaksana hendaklah melaporkan dengan segera kepada Jawatankuasa Teknikal mengenai sebarang isu atau permasalahan mengenai pelanggaran kontrak peserta dan isu pelaksanaan yang berkaitan.
- 9.5 Pihak Kementerian boleh melakukan lawatan penyeliaan ke atas peserta secara berkala/ mengejut

untuk memastikan pelaksanaan projek berjalan mengikut jadual serta syarat yang diguna pakai.

- 9.6 Agensi Pelaksana juga hendaklah menyimpan rekod mengenai setiap peserta dan mewajibkan setiap peserta membuat catatan pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti perniagaan ini. Langkah ini bagi memastikan rekod pendapatan peserta dipantau dengan berkesan.
- 9.7 Kementerian akan menyalurkan peruntukan kepada Agensi Pelaksana yang dilantik untuk pelaksanaan projek. Setiap tindakan yang melibatkan hal ehwal kewangan seperti proses tender, sebut harga atau pembelian terus perlu mengguna pakai Peraturan dan Tatacara Kewangan semasa Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.
- 9.8 Agensi Pelaksana mengadakan rundingan dengan beberapa syarikat pembekal motosikal dan pembekal peralatan mengikut kaedah dan peraturan kewangan semasa Kerajaan sebelum mendapat kelulusan pembelian terus daripada Kementerian Kewangan.
- 9.9 Senarai peralatan mengikut piawaian (*standard*) bagi setiap perkhidmatan telah disenarai dan dikenal pasti. Agensi Pelaksana akan memastikan penyerahan motosikal dilaksanakan secara teratur dengan

memastikan geran motor, cukai jalan dan insuran telah disediakan dan peralatan yang lengkap diperolehi oleh peserta mengikut perkhidmatan.

9.10 Agensi Pelaksana adalah bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan projek berjaya seperti yang dirancang.

10. TARIKH KUATKUASA

Pemakaian Garis Panduan ini berkuat kuasa Tahun 2017. Garis Panduan ini akan diguna pakai seterusnya sehingga diganti dengan garis panduan yang baru. Sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan program, sila hubungi:

Bahagian Kemajuan Keusahawanan Desa (BKKD)
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
Aras 19, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 PUTRAJAYA
Tel: 03-8891 5671/ 5665/ 5668
No. Faks: 03-8881 0264
Emel: zahidi.daud@rurallink.gov.my
zakwan@rurallink.gov.my
masturiah@rurallink.gov.my